

## **Faedah Penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Golongan OKU: Kajian Terhadap Guru Peserta Pendidikan Khas Integrasi Di Kolej Komuniti Hulu Langat**

**Salmiah Mohd Salleh<sup>1\*</sup>, Wan Noor Elyana Wan Mohamed<sup>1</sup>, Yuzilawati Mohamad  
Yunus<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti, Hulu Langat, 43000 Kajang, Selangor  
**\*Corresponding author E-mail:** salmiah@kkhl.edu.my

### **Abstrak**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bukanlah satu agenda baru negara mahupun sesebuah institusi. Ia sudah lama dilaksanakan sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal. Pelaksanaan program PSH ini sememangnya amat bermanfaat kepada setiap golongan masyarakat. Di Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL), program PSH telah mendapat sambutan dari pelbagai golongan termasuk dari kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Pelaksanaan program PSH bersama golongan OKU ini pastinya telah menyumbang kepada peningkatan ilmu dan kemahiran kepada mereka. Justeru itu kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji pelaksanaan dan faedah penyertaan PSH kepada peserta dari kalangan Pelajar Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bermasalah pembelajaran. Seramai 8 orang guru pendidikan khas dari 3 buah sekolah menengah harian telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kualitatif. Kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan data demografi, objektif kajian satu dan juga dua kerana kaedah ini dapat memberikan pengkaji maklumat yang lebih tepat, lengkap dan mendalam. Dapatan kajian menunjukkan sekolah cenderung memilih program PSH dalam bidang Masakan dan Jahitan di KKHL dan terdapat 5 faedah penyertaan yang dikenalpasti iaitu Pengalaman, Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran, Kepelbagaian Kursus, Peningkatan Kemahiran Guru dan Peluang Pekerjaan. Diharapkan melalui kajian ini dapat memberi perhatian kepada pihak yang menyelia atau ibu bapa untuk meningkatkan potensi diri golongan OKU melalui penyertaan program PSH dan kemahiran lain pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** PSH; OKU; pembelajaran sepanjang hayat; pelajar pendidikan khas

### **1.0 PENGENALAN**

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Manakala, Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016) pula, telah mengkategorikan OKU kepada tujuh kategori iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya mental, masalah pembelajaran dan pelbagai. Walau apa sahaja definisi dan kategori yang telah ditetapkan kepada golongan OKU ini, mereka tetap mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang sesuai dan sama rata di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Golongan ini tidak wajar dipinggirkan hanya kerana kekurangan yang terdapat pada diri mereka.

Pertambahan kesedaran masyarakat terutamanya ibubapa terhadap pendidikan anak mereka pada masa kini dengan menghantar anak-anak OKU ke sekolah telah meningkatkan

bilangan jumlah murid di sekolah-sekolah yang menawarkan program pendidikan khas integrasi ini. Melalui Laporan Data Pendidikan Khas (2016), menunjukkan bilangan murid pendidikan khas integrasi di SMK harian pada tahun 2016 adalah sebanyak 23,185 berbanding 19,462 pada tahun 2012. Dengan peningkatan pelajar di SMK harian ini, tentunya aspek pembangunan fizikal, kepakaran dan kemudahan pembelajaran sesebuah sekolah yang perlu mengikut keperluan murid pendidikan khas juga dilihat sebagai isu. Kekurangan keperluan dari segi fizikal, kemahiran, sumber rujukan dan lain-lain dapat diatasi melalui perkongsian kepakaran dan kemudahan diantara pihak NGO dan sekolah khusus untuk pelajar-pelajar pendidikan khas ini.

Menyedari perkara ini, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti di dalam sistem pendidikannya mengkategorikan golongan OKU sebagai golongan sasaran yang mesti di ambil kira dalam penyertaan bagi program-program PSH di kolej komuniti seluruh Malaysia. Kolej Komuniti Hulu Langat, juga telah berkolaborasi dengan dua buah sekolah menengah harian sejak tahun 2015 dan bertambah kepada 3 buah sekolah menengah harian pada tahun 2016. Antara sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko, Sekolah Menengah Kebangsaan Yaacob Latif dan Sekolah Menengah Kebangsaan Miharja. Objektif utama kolaborasi ini adalah untuk memberikan pendidikan kemahiran kepada pelajar selain daripada apa yang telah dipelajari di sekolah. Dengan kerjasama ini juga, kolej telah memberikan tawaran harga yang berpatutan, program yang terancang dan bersesuaian dengan minat serta kemampuan pelajar.

## **1.1 Kajian Literatur**

Kajian dari Lokman dan Nurul (2009), berkaitan pengajaran dan pembelajaran untuk golongan berkeperluan khas dalam bidang teknik dan vokasional yang masih kurang diteliti. Secara khusus, kajian ini cuba meneliti faktor-faktor yang dijangka dapat mempengaruhi sistem pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar berkeperluan khas di politeknik. Keseluruhan dapatan mendapati, penerimaan pihak pentadbiran dan pensyarah politeknik terhadap pelajar berkeperluan khas adalah memberangsangkan manakala kemampuan dan ilmu yang dimiliki oleh pensyarah untuk mengajar golongan ini adalah pada tahap yang tinggi. Di samping itu, silibus untuk pelajar khas juga dinilai pada tahap yang tinggi manakala, prasarana atau kemudahan yang disediakan di politeknik juga pada tahap yang memuaskan dan kini sedang dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan golongan pelajar pendidikan khas.

Kajian Nurul (2012), dijalankan untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran di politeknik berdasarkan tiga elemen penting dalam teori sosial kognitif kerjaya serta untuk melihat faktor dominan yang mendokong ke arah tercapainya matlamat tersebut. Responden kajian adalah kalangan 102 pelajar khas bermasalah pendengaran dari semester 1,2 dan 4 di 3 buah politeknik yang menawarkan Program Pendidikan Khas iaitu Politeknik Johor Bahru, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bermasalah pendengaran ini mempunyai harapan yang tinggi ke arah kecenderungan untuk mencapai aspirasi kerjaya.

Kajian Hanirah, Azyati dan Shudermawan (2014) dijalankan untuk melihat keperluan kursus pendek dikalangan golongan OKU. Kajian mendapati hamper separuh daripada 89 orang responden yang mengikuti kursus pendek adalah bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan dan menambah sumber pendapatan. Manakala terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh responden OKU untuk menyertai kursus pendek iaitu yang paling utama ialah tiada sokongan dari keluarga, diikuti pula perlu memohon cuti untuk berkursus, faktor kesihatan, tempoh kursus, kewangan, tiada pengangkutan dan masa yang bersesuaian.

Kajian dari Intan dan Munirah (2014) pula, bertujuan untuk melihat sejauhmana kesediaan kolej komuniti sebagai hab tertiaru untuk melanjutkan pelajaran bagi pelajar OKU. Hasil analisis data kajian menunjukkan tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman pensyarah dengan kesediaan pensyarah untuk melaksanakan PdP kepada pelajar OKU.

Seterusnya, kajian daripada Nurulhuda, Mohd dan Noorazizah (2014) berkaitan keberkesanan pelaksanaan kursus pendek bagi pelajar pendidikan khas di Melaka. Kajian ini juga meninjau kesan penguasaan kemahiran pelajar pendidikan khas setelah mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka. Secara keseluruhannya responden bersetuju perlaksanaan kursus memberi kesan kepada mereka iaitu mencungkil bakat, mencetuskan minat pelajar, meningkatkan ilmu, menambah kemahiran dan digunakan untuk kehidupan harian. Dari aspek penguasaan kemahiran pula, pelajar boleh melaksanakan kerja langkah demi langkah, menggunakan peralatan, mengendalikan mesin serta melaksanakan kerja secara berpasukan.

## **2.0 PENYATAAN MASALAH**

Menurut Penyataan Dasar Pendidikan Khas dalam Buku Panduan Pengoperasian Pendidikan Khas Integrasi (2015) menyatakan, Pendidikan Khas diwujudkan untuk mengoptimumkan potensi murid dan memenuhi keperluan khas pendidikan murid keperluan khas (MBK) yang telah dikenal pasti sebagai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, masalah pembelajaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal dan ketidakupayaan pelbagai di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.

- i. Semua MBK berpeluang untuk menerima akses pendidikan yang relevan dan sesuai;
- ii. Semua MBK perlu diperkembangkan bakat dan potensi murid melalui pendidikan vokasional bagi menghasilkan insan yang berkemahiran ke arah meningkatkan kualiti hidup;
- iii. Semua MBK diberikan peluang untuk mengikuti Program Intervensi Awal agar tahap keupayaan mereka dapat dioptimumkan;
- iv. Menyediakan peluang MBK untuk mengikuti program pendidikan yang menjurus kepada peningkatan potensi sedia ada bagi melahirkan kumpulan separuh mahir dan seterusnya menjadi aset kepada negara;

- v. MBK yang berpotensi seboleh-boleah ditempatkan secara inklusif di kelas-kelas arus perdana.

Namun begitu, keperluan pendidikan bagi golongan OKU dari kalangan pelajar pendidikan khas integrasi ini tidak dapat dipenuhi kerana terdapat kekangan dari segi pembangunan fizikal sesebuah sekolah, kemahiran guru yang terhad, bahan pengajaran dalam bidang kemahiran dan lain-lain. Pentingnya keperluan fizikal dan prasarana untuk pelajar golongan OKU juga dinyatakan oleh Lokman dan Nurul (2009) dalam kajiannya yang mendapati prasarana dan persekitaran politeknik untuk pelajar berkeperluan khas boleh dipertingkatkan dengan menyediakan asas pembelajaran, fizikal dan sumber rujukan agar dapat merangsang proses pembelajaran. Disokong juga oleh Masitah dan Suhaida (2014) yang mendapati kurikulum di SMK harian yang masih terlalu umum dan tidak ke arah menyediakan pelajar dengan kemahiran vokasional.

Justeru itu, kolej komuniti sebagai penyedia pendidikan teknik dan vokasional dan merupakan hab pembelajaran sepanjang hayat adalah institusi yang sesuai bagi menyokong kekurangan yang terdapat di dalam sistem pendidikan khas integrasi pada masa kini. Oleh itu, kajian ini sangat diperlukan bagi mengenalpasti faedah yang akan diperolehi oleh golongan OKU jika pihak sekolah atau agensi berwajib yang lain berkolaborasi dengan kolej komuniti untuk melaksanakan program kemahiran kepada peserta. Hasil kajian juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada pembekal latihan dan kursus PSH untuk mengenalpasti latar belakang serta bidang kursus yang sesuai serta paling mendapat tempat di hati golongan OKU disamping dapat menarik lebih banyak penyertaan golongan OKU dalam kursus PSH di Kolej Komuniti.

## **2.1 Objektif Kajian**

- i. Menenalpasti kecenderungan pilihan guru pendidikan khas integrasi terhadap program PSH yang ditawarkan di Kolej Komuniti Hulu Langat.
- ii. Menenalpasti faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas integrasi dari kalangan guru pendidikan khas di Kolej Komuniti Hulu Langat.

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan data secara santai dan tepat dari responden.

### 3.2 Sampel dan Tempat Kajian

Responden terdiri dari guru pendidikan khas yang terlibat dengan pelaksanaan program PSH di KKHL serta mengiringi pelajar ketika program berlangsung. Guru-guru dipilih sebagai responden kerana pelajar pendidikan khas sukar untuk menjawab soalan temubual tanpa panduan dan dorongan penyelidik.

### 3.3 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, hanya terdapat satu instrumen yang akan digunakan oleh penyelidik. Instrumen yang mengandungi soalan temubual ini merangkumi semua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi) dan Bahagian B (Jenis Pilihan Kursus) dan Bahagian C (Faedah Program PSH). Pengkaji menggunakan kaedah temu bual kepada 8 orang responden. Melalui soalan begini penyelidik akan mendapat jawapan yang jelas daripada peserta kerana peserta bebas untuk menjawab soalan berdasarkan apa yang difahaminya.

**Jadual 1:** Pembahagian Item-Item Soalan Mengikut Objektif Kajian

Bahagian	Item-item	Jumlah	Elemen
Demografi	1, 2, 3	3	Nama, Umur, Kelayakan Akademik
Objektif Kajian 1	4	1	Pilihan Kursus
Objektif Kajian 2	5, 6, 7	3	Terlibat ketika program, Faedah atau Manfaat Program PSH, Impak Program PSH

### 3.4 Kerangka Konseptual



**Rajah 1:** Kerangka Konseptual Kajian

Adaptasi dan ubahsuai dari Model Gagne, *Differentiate Model of Giftedness and Talent* (DMGT)

## 4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Analisis Deskriptif Demografi Responden

**Jadual 2:** Ciri-ciri Demografi Responden

CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)
<b><u>Jantina</u></b>		
Lelaki	1	12.5
Perempuan	7	87.5
<b><u>Umur</u></b>		
21 – 30 Tahun	2	25.0
31 - 40 Tahun	4	50.0
40 dan ke atas	2	25.0
<b><u>Kelayakan Akademik</u></b>		
Sijil	1	12.5
Diploma	2	25.0
Ijazah Sarjana Muda	4	50.0
Master/Sarjana	1	12.5
PHD	0	0.0

### 4.2 Analisis Deskriptif Jenis Pilihan Kursus

#### Objektif Kajian 1

Mengenalpasti kecenderungan pilihan guru pendidikan khas integrasi terhadap program PSH yang ditawarkan di Kolej Komuniti Hulu Langat.

**Jadual 3:** Pilihan Kursus Guru Pendidikan Khas Integrasi

KURSUS	FREKUENSI	PERATUS (%)
Masakan	8	100
Jahitan	8	100
Kraftangan	7	87.5
Kecantikan	1	12.5
Bahasa	2	25.0
Kejuruteraan	3	37.5
Muzik	1	12.5
Teknologi Maklumat	5	62.5
Sukan	3	37.5

### 4.3 Analisis Temubual

#### Objektif Kajian 2

Mengenalpasti faedah penyertaan program PSH kepada pelajar pendidikan khas integrasi di Kolej Komuniti Hulu Langat.

Hasil kajian menunjukkan terdapat 5 faedah penyertaan program PSH ini kepada pelajar pendidikan khas integrasi dari persepsi guru pendidikan khas. Antara faedah yang disenaraikan oleh responden adalah dari segi:

#### i. Pengalaman

**Jadual 4:** Faedah Dari Segi Pengalaman

Bil	Responden	Komen
1.	Responden 1	<i>“Saya rasa kursus PSH ni penting..sebab boleh bagi pengalaman kepada pelajar-pelajar PPKI ni. Contohnya macam kursus asas penggunaan mesin dapat beri pendedahan kepada pelajar cara menggunakan mesin, kerana tiada modul penggunaan mesin kat sekolah.”</i>
2.	Responden 4	<i>“Ye, sedikit sebanyak aktiviti ini telah beri pengalaman baru pada pelajar dan juga guru.”</i>
3.	Responden 2	<i>“Pelajar memang dah ada jual kuih dalam family... cikgu cuma nak tambah nilai kepada pelajar.”</i>

#### ii. Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran

**Jadual 5:** Faedah Dari Segi Kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Responden	Komen
1.	Responden 2	<i>“Boleh menampung kelemahan...atau kekurangan sekolah seperti kemahiran guru kita, kemudahan kita yang tak cukup kat sekolah.”</i>
2.	Responden 5	<i>“Setakat ni sekolah cuma ada satu mesin jahit sahaje.. so bila pergi kolej komuniti ni dapat membantu sekolah dari segi peralatan pdp lah.”</i>
3.	Responden 6	<i>“Dalam kitchen ni just ada satu oven ja, yang lain dah rosak. Bila berkolaborasi dengan kolej..kita dapat gunakan kemudahan kolej, masa belajar lebih singkat dan lebih ramai pelajar boleh terlibat.”</i>

### iii. Kepelbagaian Kursus

**Jadual 6:** Faedah Dari Segi Kepelbagaian Kursus

Bil	Responden	Komen
1.	Responden 3	<i>“Sijil penyertaan kursus yang pelbagai ni, dapat peajar kita gunakan untuk bantu mereka dapatkan Sijil Kemahiran Malaysia..untuk kita prepare folio SKM mereka..”</i>
2.	Responden 7	<i>“Dedahkan pada pelajar kemahiran yang tiada dalam kurikulum, contohnya seperti jahitan manik yang tiada dalam kurikulum. Mereka pun suka, ada tu budak lelaki hasilnya lagi cantik dari perempuan kalau memang mereka minat.”</i>

### iv. Kemahiran Guru

**Jadual 7:** Faedah Dari Segi Peningkatan Kemahiran Guru

Bil	Responden	Komen
1.	Responden 2	<i>“Boleh menampung kelemahan...atau kekurangan sekolah seperti kemahiran guru kita, kemudahan kita yang tak cukup kat sekolah.”</i>
2.	Responden 5	<i>“Kursus dengan kolej ni saya lihat dapat beri nilai tambah pada pelajar dan guru yang nak dapatkan Sijil Kemahiran Malaysia. Macam cikgu-cikgu ni..depa guna sijil penyertaan dari kolej untuk mohon Sijil Kemahiran Malaysia.”</i>
3.	Responden 1	<i>“Dengan mengiringi pelajarberkursus..guru-guru kita ni boleh jugak belajar kemahiran tambahan..macam kalau kursus masak, belajar teknik mengadun, membakar, macamana nak buat roti gebu dan lain-lain.”</i>

### v. Peluang Pekerjaan

**Jadual 8:** Faedah Dari Segi Peluang Pekerjaan

Bil	Responden	Komen
1.	Responden 2	<i>“Kalau ikutkan nak kemahiran vokasional untuk lengkapkan pelajar ke arah kerjaya. Pelajar belajar asas disiplin kerja. Untuk tempat kerja nanti...”</i>
2.	Responden 3	<i>“Pelajar bukan sahaja belajar semasa kursus, malah kemahiran yang dipelajari masih dipraktikkan di sekolah. Ada yang boleh menjahit manik pada tudung guru...tapi, guru kena lakar corak pada baju dululah.”</i>
3.	Responden 5	<i>“Pelajar buat key chain yang dipelajari dari kursus felt craft untuk dijual semasa hari terbuka sekolah.”</i>
4.	Responden 6	<i>“Dengan KKHL dapat sijil-sijil kursus, sijil-sijil tu boleh digunakan sebagai sokongan untuk mohon bagi dapatkan modal bisnes pelajar nanti.”</i>



5. Responden 7 *“Hasil kursus roti yang dipelajari, pelajar didedahkan dengan perniagaan di mana mereka membuat sendiri roti & menjualnya di sekolah”*
6. Responden 8 *“Sekolah cuba bekalkan sebanyak latihan asas untuk pelajar bersedia alam kerjaya nanti supaya dapat bekerja dengan selamat dan teratur”*
- 

## 5.0 PERBINCANGAN

### 5.1 Dapatan Analisis Maklumat Demografi

Hasil kajian menunjukkan bahawa keseluruhan responden adalah seramai 8 orang guru-guru yang mengajar program pendidikan khas integrasi dari 3 buah sekolah menengah harian. Seramai seorang responden (12.5%) adalah guru lelaki dan 7 orang (87.5%) adalah responden perempuan. Menurut Abd.Rahim Abd Rashid (2007), salah satu isu yang mendominasi profesion perguruan di Malaysia ialah ketidakseimbangan jantina dengan jumlah majoriti guru adalah terdiri daripada guru perempuan. Dalam kajian ini, responden yang paling banyak terlibat ialah guru-guru yang berumur yang di antara 31 hingga 40 tahun sebanyak 50.0% (4 orang), dan sama banyak bagi guru-guru yang berumur 21 - 30 tahun serta berumur 40 dan keatas iaitu masing-masing seramai 25.0% (2 orang).

Dari perspektif kelayakan akademik pula, guru yang memiliki ijazah sarjana muda paling tinggi peratusan iaitu 50.0% (4 orang), diikuti diploma 25.0% (2 orang) dan sijil serta sarjana dengan masing-masing 12.5% (1 orang). Kelayakan akademik bagi responden di peringkat sijil dan diploma bagi kajian ini adalah kerana mereka hanyalah pembantu guru namun turut serta dengan perancangan program PSH serta sama-sama mengiringi pelajar sepanjang program berlangsung.

### 5.2 Dapatan Kecenderungan Pilihan Kursus

Berdasarkan jadual 3, peratus tertinggi (100%) bagi kursus yang menjadi pilihan utama guru-guru untuk pelajar pendidikan khas integrasi adalah kursus masakan dan jahitan. Dapatan ini disokong oleh kajian daripada Masitah dan Suhaida (2014) iaitu, kemahiran vokasional yang amat diperlukan oleh pelajar pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran adalah kemahiran memasak. Daripada data laporan program psh KKHL bagi tahun 2015 dan 2016 juga menyokong dapatan ini yang menunjukkan bilangan kursus masakan adalah kursus yang paling banyak dilaksanakan berbanding kursus lain. Daripada 51 kursus sebanyak 19 kursus yang dilaksanakan merupakan kursus masakan dan diikuti 9 kursus merupakan kursus jahitan.

Program PSH bagi kursus kraftangan juga antara yang menjadi pilihan guru-guru dengan 87.5% (7 orang) untuk pelajar pendidikan khas integrasi. Disokong oleh temubual bersama salah seorang responden yang mengatakan;

*“pelajar seronok belajar kursus kraftangan macam yang kita buat dengan kolej komuniti...kursus glass painting dan kain felt..hasil kursus tu kita pameran dalam kelas. Kalau boleh kita nak tahu apa lagi kursus kraftangan yang boleh pelajar belajar dengan kolej”*.

(Responden 7)

Diikuti oleh kursus teknologi maklumat dengan 62.5% (5 orang), kursus kejuruteraan dan sukan dengan 37.5% (3 orang), kursus bahasa dengan 25.0% (2 orang) dan masing-masing kursus kecantikan dan muzik dengan peratusan pilihan hanya sebanyak 12.5% (seorang).

### **5.3 Dapatan Faedah Penyertaan Program PSH**

Pelaksanaan program PSH di Kolej Komuniti Hulu Langat terhadap pelajar pendidikan khas integrasi ini jelas telah memberi impak kepada semua pihak yang terbabit. Dapatan kajian jelas membuktikan bahawa jaringan kerjasama yang dilaksanakan antara sekolah dan kolej sejak tahun 2015 hingga kini disebabkan oleh pengurusan dan faedah yang diperolehi oleh pelajar dan sekolah. Antara faedah yang dikenalpasti dari hasil temubual seperti faedah dari segi pengalaman, kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP), kepelbagaian kursus, menambah kemahiran dan peluang pekerjaan.

Pengalaman baru diperolehi oleh pelajar ketika mengikuti kursus dalam program PSH adalah kerana kemahiran yang diterokai bersama kolej komuniti merupakan kemahiran baru dan tidak diajar oleh guru di sekolah. Pendedahan dalam penggunaan mesin di dalam salah satu program PSH dilihat oleh guru pendidikan khas sebagai pengalaman yang amat berharga kepada pelajar kerana kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti mesin jahit di sekolah adalah sangat minima.

Sebanyak 3 responden pula berpendapat melalui program PSH yang disertai oleh pelajar, mereka memperoleh manfaat dari segi guna sama kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Jadual 5 menunjukkan faedah penyertaan program PSH dari segi kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sharifah Alwiyah (1985), pencapaian pelajar akan menjadi lebih baik dengan persekitaran dan suasana bilik darjah yang sesuai dengan bilangan pelajar. Susun atur meja, kerusi dan peralatan adalah faktor keselesaan yang akan mempengaruhi pencapaian pelajar sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Program PSH yang dirancang juga boleh dipelbagaikan mengikut permintaan peserta. Jadual 6 menunjukkan sebanyak 2 responden yang berpendapat pelajar memperoleh faedah dari segi kepelbagaian kursus dengan menyertai program PSH di KKHL. Kerjasama antara agensi seperti KKHL dan sekolah dapat membantu memantapkan kurikulum untuk pelajar pendidikan khas. Sumbangan KKHL dari aspek penawaran kursus yang tidak dilaksanakan di sekolah dengan harga yang berpatutan banyak memberi faedah kepada pelajar. Menurut

Kamarulzaman (2007), kita tidak seharusnya membiarkan kumpulan yang tidak bernasib baik ini terasing dalam masyarakat. Seperti juga pendidikan di sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat yang sepatutnya memerlukan kerjasama antara sekolah dan agensi lain.

Seterusnya, faedah lain yang diperolehi dari penyertaan program PSH adalah peningkatan kemahiran guru. Kemahiran guru dalam melatih pelajar dalam bidang kemahiran terpilih dapat ditingkatkan dengan pelaksanaan program PSH di KKHL. Setiap kali pelajar dilatih, guru akan turut serta bagi meningkatkan kemahiran diri masing-masing. Jadual 7 menunjukkan sebanyak 3 responden yang menyatakan bahawa guru yang mengiringi pelajar berkursus secara tidak langsung sama-sama belajar dan dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran diri. Melalui pemerhatian dan temubual juga didapati kebanyakan guru pendidikan khas tidak terlatih untuk membimbing pelajar dalam bidang-bidang kemahiran tertentu. Sedangkan program integrasi yang disertai oleh pelajar adalah bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar sebagai persediaan untuk berdikari atau bekerja selepas alam persekolahan. Disokong oleh kenyataan dari Cikgu Yap, “*Kebanyakan guru-guru kemahiran khas tidak mempunyai sijil khusus dalam bidang kemahiran yang perlu diberikan kepada pelajar*”. Oleh yang demikian, melatih dan menyediakan guru-guru khas yang mahir dalam bidang kemahiran tertentu bagi mendidik pelajar-pelajar berkeperluan khas ini adalah satu keperluan.

Jadual 8 menunjukkan dapatan temubual dari 6 responden yang mengatakan terdapat faedah program PSH dari segi peluang pekerjaan kepada pelajar OKU. Jika dilihat, matlamat utama sekolah melaksanakan program PSH bersama KKHL adalah untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan ilmu kemahiran sebelum menamatkan alam persekolahan. Latihan asas ini, yang dipelajari oleh pelajar merupakan persediaan ke alam kerjaya nanti supaya mereka dapat bekerja dengan selamat dan teratur. Pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran perlu didedahkan kepada realiti kehidupan setelah tamat persekolahan melalui satu program yang terancang dan sistematik. Persediaan kerjaya amat penting kepada pelajar berkeperluan khas ini. Tanpa latihan pekerjaan di sekolah, peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah rendah. Masitah et al. (2014) menyatakan membuat perancangan dan pilihan mengenai apa yang perlu dilakukan selepas tamat persekolahan merupakan cabaran pada setiap remaja tetapi cabaran lebih berganda untuk remaja bermasalah pembelajaran ketika peralihan dari alam sekolah ke selepas persekolahan.

#### **5.4 Kesimpulan**

Rumusan dari kajian ini adalah diharapkan agar dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan kecenderungan pilihan kursus yang dianggap sesuai untuk pelajar dari kalangan OKU di sekolah-sekolah yang menawarkan program pendidikan khas integrasi. Dari kajian ini juga, masyarakat dapat didedahkan dengan kepentingan program pembelajaran sepanjang hayat sebagai nilai tambah kepada bidang kemahiran yang diperolehi oleh pelajar di sekolah. Ia juga telah memberi faedah kepada pelajar khususnya, guru dan juga sekolah secara amnya. Semoga dengan adanya hasil kajian ini, ianya dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam membentuk komuniti dan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam merangka strategi, pendekatan dan program-program

pendidikan yang lebih jitu dan berkesan. Melalui program PSH ini diharapkan akan dapat melahirkan pelajar lepasan sekolah dari kalangan OKU yang lebih mampan dan tegar dalam mengharungi arus kehidupan dan seterusnya mampu bergerak seiring dengan peredaran masa dalam memenuhi pelbagai tuntutan dan komitmen kehidupan ini.

## 6.0 RUJUKAN

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017). Akta Orang Kurang Upaya (2008). (atas talian) : <http://www.jkm.gov.my>
- Abd.Rahim Abd Rashid (2007). *Profesionalisme Kepensyarahan: Prospek dan Cabaran*: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Buku Data Pendidikan Khas 2016*.
- Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi Dasar Pendidikan Khas*.
- Hanirah Mohamad, Azyati agos & Shudermawan. (2014). Kajian Terhadap Kursus Pendek Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya Di Kolej Komuniti Tanjung Piai. *Jabatan Pengajian Kolej Komuniti: Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat*.
- Intan Samsudin & Munirah Abdul Rahim. (2014). Kolej Komuniti Sebagai Hab Melanjutkan Pelajaran Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya Satu Tinjauan. *Jabatan Pengajian Kolej Komuniti: Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017). *Pelan Tindakan OKU 2016-2022*.
- Kamarulzaman, K. (2007). Adult Learning for People with Disabilities in Malaysia: Provisions and Services. *Journal of Human Resource and Adult Learning, Vol. 3, Num. 2*.
- Lokman, Nurul Qistin & Mohd Hanafi. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil. 24: 73–87.
- Masitah Hayati Mad Isa & Suhaida Abdul Kadir (2014). Kemahiran Vokasional diperlukan Pelajar Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Sekolah Menengah Harian. *First Technical and Vocational International Seminar (TVEIS) 2(3)*: 1-11
- Gagne's Model of Giftedness and Talent (DMGT) (2008). (atas talian) [http://www.det.act.gov.au/\\_data/assets/pdf\\_file/0011/587306/Giftedness-and-Talent.pdf](http://www.det.act.gov.au/_data/assets/pdf_file/0011/587306/Giftedness-and-Talent.pdf) (26 Julai 2017)
- Nurul Hariza (2012). Aspirasi Kerjaya Dalam kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran di Politeknik. *Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional*.
- Nurulhuda Salim, Mohd Iskandar & Norazizah Abu (2014). Keberkesanan Pelaksanaan Kursus Pendek Bagi Pelajar Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Sekolah di Melaka. *Jabatan Pengajian Kolej Komuniti: Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat*.
- Sharifah Alwiyah (1985). *Sosiologi Pendidikan*. Edisi Pertama. Longman Malaysia.

Kolej Komuniti Hulu Langat (2015). Laporan Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Kolej Komuniti Hulu Langat (2016). Laporan Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat.